

# PM anggap projek pelancongan Tanjung Rhu

UM 5 MAR 1987  
'gagal'

menyifatkan rancangan tersebut sebagai gagal selepas menyaksikan sendiri kawasan projek itu sempena lawatan bekerja sehari suntuk ke Pulau Langkawi semalam. "Lawatan saya ialah lawatan bekerja, ke tempat - tempat pembangunan seperti pembinaan lapangan terbang, kem bina semangat dan hotel - hotel, rancangan pelancongan Tanjung Rhu yang gagal dan sebagainya," jelas Perdana Menteri dalam pertemuan dengan kira-kira 500 orang pemimpin UMNO dan masyarakat Langkawi di sebuah hotel di akhir lawatannya petang semalam. Turut mengiringi Perdana Menteri dalam lawatan itu ialah Menteri Besar Kedah, Datuk Sri Haji Osman Aroff, Menteri Pertanian, Datuk Sri Sanusi Junid, ahli-ahli Exco kerajaan negeri dan para pegawai kanan kerajaan dan agensi

Menurut, sumber - sumber yang menghadiri taklimat itu, Datuk Sri Dr. Mahathir dikatakan berpuas hati dengan projek - projek yang dilaksanakan pada keseluruhannya bagaimanapun beliau tidak menyentuh langsung tentang projek yang dimajukan oleh Promet itu. Dalam ucapan beliau di majlis itu, Datuk Sri Dr. Mahathir ketika menyentuh taraf pelabuhan bebas cukai di Langkawi bagaimanapun berharap pelancongan akan menjadi satu industri yang terbesar di Langkawi. Perdana Menteri yang dijadual mengadakan sidang akhbar di akhir lawatan sehari ke Langkawi itu juga telah membatalkan sidang akhbar tersebut kerana terpaksa berlepas ke Kuala Lumpur dari Lapangan Terbang Padang Masirat sebelum jam 6.15 petang kerana lapangan terbang itu masih belum ada lampu.

LANGKAWI 4 Mac — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan projek pelancongan Tanjung Rhu sebagai "gagal" kerana pelaksanaan projek tersebut telah terhenti beberapa bulan lalu. Projek pelancongan Tanjung Rhu di kawasan seluas 400 hektar dimajukan oleh Syarikat Promet untuk dijadikan sebuah pusat pelancongan bertaraf antarabangsa yang pada mulanya dianggar menelan belanja beribu juta ringgit. Bagaimanapun, pihak syarikat tersebut kemudian mengisytiharkan penjadualan semula projek itu tahun lalu yang dianggarkan menelan belanja sebanyak \$200 juta, setelah terhenti sejak beberapa bulan. Datuk Sri Dr. Mahathir

yang terlibat. Ketika melawat kawasan projek pelancongan Tanjung Rhu yang kelihatan cerucuk besi dan pembinaan sebuah hotel yang belum siap tidak jauh dari Mutiara Beach Hotel yang telah dipajakkan kepada firma asing, Datuk Sri Dr. Mahathir disambut oleh Pengarah Eksekutif Promet Datuk Brian Chang dan Timbalannya, Encik Mohd. Izat Emir. Perdana Menteri yang diberi taklimat tertutup oleh Unit Penyelarasan Pelaburan (ICU) kira-kira dua jam di Langkawi Island Resort sebelum mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin UMNO dan masyarakat tempatan difahamkan telah diberi penerangan mengenai pelaksanaan projek - projek pembangunan di pulau itu.